

Company Name : Frontken Corporation Berhad
Date : 15 September 2026
Source : Berita Harian

Frontken Beli Kilang, Tanah RM118.16 Juta Di Taiwan

KUALA LUMPUR: Anak syarikat utama Frontken Corporation Bhd (FCB), Ares Green Technology Corporation (AGTC), akan membeli tanah industri berserta bangunan kilang di Taiwan pada harga tunai RM118.16 juta bagi menyokong pengembangan operasi dan keperluan kapasiti masa depan.

FCB dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata, AGTC membida hartanah berkenaan yang terletak di Zon Perindustrian Tainan Xinying, Taiwan.

Hartanah itu membabitkan tanah seluas kira-kira 16,172 meter persegi serta tujuh blok bangunan kilang sedia ada dengan jumlah keluasan lantai kira-kira 12,611 meter persegi.

Menurut FCB, pemerolehan itu selaras dengan strategi jangka panjang syarikat untuk menyokong pengembangan operasi AGTC serta memenuhi keperluan kapasiti pada masa depan.

"Pemerolehan itu dijangka memberikan AGTC fleksibiliti lebih besar dalam merancang keperluan operasi masa hadapan yang dijangka, selain mengoptimumkan penggunaan hartanah berkenaan selaras dengan keperluan perniagaan seperti yang ditetapkan pelanggan.

"Memandangkan ketersediaan tanah industri yang sesuai berhampiran kemudahan P1 sedia ada AGTC adalah terhad, pemerolehan itu dijangka menyokong pertumbuhan perniagaan AGTC secara berterusan dalam jangka sederhana hingga panjang," menurut syarikat itu.